

Title	Newspaper	Day	Date
IAP dimaju 6 bank dilancarkan	Harian Metro	Khamis	18 Februari 2016

IAP dimaju 6 bank dilancarkan

Kuala Lumpur: Malaysia terus merekodkan kejayaan cemerlang dalam sektor kewangan Islam dengan pelbagai transformasi persekitaran pasaran yang berdaya saing serta bakal dirancarkan dengan Platform Akaun Pelaburan (IAP), gabungan konsortium meliputi enam institusi perbankan Islam tempatan.

IAP adalah inisiatif strategik industri kewangan Islam dalam mengendalikan akaun pelaburan iaitu produk baharu yang mula ditawarkan institusi perbankan Islam yang dibangunkan oleh anak syarikat milik penuh Raed Holdings Sdn Bhd (Raed).

Gabenor Bank Negara

Malaysia (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, IAP bukan sekadar medium inovatif baharu bagi pelaburan dan pengumpulan dana patuh syariah, malah ia juga menyediakan penyelesaian bagi menangani jurang pemindahan risiko sistem kewangan yang dibolehkan sekarang bagi institusi kewangan.

Menurutnya, dalam memastikan kepelbagaian kegiatan perantaraan pelaburan, ia sekaligus dilihat berperanan dalam memudahkan jaringan lebih kukuh dalam dunia kewangan dan ekonomi se-

benar selain memberi fokus dalam perkongsian risiko.

"Bagi bank-bank Islam, IAP mewujudkan produk berbeza yang mampu menjana sumber pendapatan dan profil pembiayaan baharu kepada institusi terbabit.

"Selain itu, terdapat juga potensi bagi institusi dengan mandat khusus, termasuk agensi kerajaan untuk kerjasama strategik dengan IAP dan bank-bank Islam dalam membentuk perkongsian awam swasta untuk memudahkan penyaluran geran atau pembiayaan," katanya

ketika berucap pada majlis pelancaran Platform Akaun Pelaburan (IAP) di sini, semalam.

IAP dibangunkan oleh konsortium dianggotai enam buah institusi perbankan Islam iaitu Affin Islamic Bank Bhd, Bank Islam Malaysia Bhd, Bank Muamalat Malaysia Bhd, Maybank Islamic Bhd, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd dan Bank Simpanan Nasional.

Selain itu, sebagai platform pelaburan berasaskan Internet, IAP memudahkan serta membuka akses lebih luas yang membolehkan penyaluran dana lebih cekap daripada pelabur kepada kegiatan ekonomi dan perniagaan berdaya maju.

FAKTA

IAP dibangunkan oleh konsortium dianggotai enam buah institusi perbankan Islam